



PERSATUAN PENCINTA ALAM MALAYSIA

Malaysian Nature Society (Society No. 1288/50)

24 Februari 2020

YB Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandam
Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli
Merangkap Ahli Parlimen Kuala Langat
Pejabat Menteri, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli,
Aras 17, Wisma Sumber Asli,
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 PUTRAJAYA

YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari
Dato' Menteri Besar Selangor
Pejabat Menteri Besar Selangor,
Tingkat 21,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40503 Shah Alam, Selangor

YB Tuan Hee Loy Sian
Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Tingkat 2, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam, Selangor

YBhg. Tuan Haji Mohd Ridzuwan Bin Endot
Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40660 Shah Alam
Selangor

YAB Dato' Dr./ YB Dato' Seri / YB Tuan / YBhg. Tuan

PEMBANTAHAN TERHADAP CADANGAN UNTUK MENGELUARKAN TANAH SELUAS 930.93 HEKTAR DARI HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR

Salam sejahtera daripada Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

1. Saya bagi pihak MNS ingin mengemukakan bantahan terhadap cadangan penyahwartaan 930.93 hektar dari 957.63 hektar Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) bagi tujuan pembangunan bercampur sepertimana yang dimaklumkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) melalui penyiaran notis penyiasatan awam dalam media akhbar tempatan pada 5hb Februari 2020.

2. Untuk perhatian YAB Dato' Dr./ YB Dato' Seri / YB Tuan / YBhg. Tuan, Daerah Kuala Langat meliputi keluasan 85,770 hektar dan menampung bilangan penduduk seramai 322,400 orang. Hanya 7,467.54 hektar (8.7%) keluasan di kawasan Daerah Kuala Langat adalah merupakan kawasan hutan simpan kekal, termasuk HSKLU. Cadangan penyahwartaan HSKLU akan mengurangkan keluasan hutan di

Awards received:



Members:



JKR 641 Jalan Kelantan, Bukit Persekutuan, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. T:+ 603 22879422 F:+ 603 22878773 mns@mns.org.my

www.mns.my

BRANCHES : Johor ■ Kedah & Perlis ■ Kelantan ■ Kuching ■ Langkawi ■ Miri ■ Negeri Sembilan & Melaka ■ Pahang ■ Penang ■ Perak ■ Sabah ■ Sandakan ■ Selangor ■ Terengganu

ENVIRONMENTAL EDUCATION CENTRES ■ Dark Cave, Batu Caves ■ EcoCare, Kertih, Terengganu ■ Environmental Interpretive Centre (EIC), Sepang ■ MNS/BOH Field Centre (Cameron Highlands) ■ Nature Education Centre (NEC), FRIM, Kepong ■ Kuala Selangor Nature Park (KSNP) ■ Urban Environmental Education Hub (UEEH), Mid Valley ■ Vale Ecocentre, Lumut ■ Rimba Ilmu Botanical Garden

dalam daerah ini kepada 6,536.61 hektar (7.6%). Ini bermakna hampir keseluruhan kawasan daerah ini telah ditebusguna untuk tujuan pembangunan negeri.

3. Pada pendapat kami, cadangan penyahwartaan HSKLU adalah tidak selari dengan perancangan Kerajaan Negeri Selangor seperti yang telah diwartakan di dalam Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 dan Rancangan Struktur Negeri 2035. Iaitu untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 30% kawasan hutan di Negeri Selangor sebagai hutan simpan kekal, khususnya merujuk kepada kawasan HSKLU.

4. Selain itu, pihak kami juga mendapati cadangan penyahwartaan ini adalah tidak selari dengan:-

- a. Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) (Akta 313) di mana kawasan hutan yang dinyahwartaikan perlu diganti dengan kawasan lain yang sama kualiti dan kepentingan hutannya;
- b. Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan (2011–2020) dan Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN-3) di mana tanah gambut diisytiharkan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 yang perlu dipulihara dan dielakkan daripada pembangunan untuk mengelakkan risiko bencana alam; dan
- c. Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (2016-2025) di mana kawasan habitat dan juga spesies terancam yang terdapat di kawasan ini perlu dilindungi. HSKLU penting bagi tujuan pemuliharaan beberapa spesies yang jarang ditemui seperti Beruang Matahari (*Helarctos malayanus*), Tupai Terbang Terkecil Selangor (*Petaurillus kinlochii*), Ikan Laga Merah Langat (*Betta livida*), Meranti Bakau (*Shorea uliginosa*) dan Mersawa Paya (*Anisoptera marginata*).

5. Pada 1hb November 2019, YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucapannya bagi pembentangan belanjawan 2020, menyatakan secara jelas hutan simpan kekal di negeri Selangor wajar dikekalkan dan diperluaskan sehingga 32% keluasan negeri Selangor. Mengikut komitmen ini, HSKLU wajar dikekalkan.

6. HSKLU juga merupakan kawasan kebudayaan yang berkait secara langsung dengan kehidupan 2,000 anggota masyarakat Orang Asli (suku kaum Temuan) yang tinggal di kawasan tersebut sejak 134 tahun dahulu. Penyahwartaan HSKLU berkemungkinan besar akan mengakibatkan pelupusan hak masyarakat Orang Asli di tempat tersebut. Kerajaan Negeri perlu adil dan saksama bagi melindungi kepentingan komuniti Orang Asli di kawasan berkenaan.

7. Pembukaan kawasan hutan bagi tujuan pembangunan bercampur dijangka akan menjejaskan rangkaian ekologi, mengakibatkan kemusnahan habitat paya gambut yang unik, kehilangan biodiversiti, kepupusan spesies flora dan fauna terancam, meningkatkan risiko kebakaran tanah gambut, dan meningkatkan risiko banjir atau kekurangan air untuk tanaman di kawasan persekitaran. Sumber air untuk kegunaan masyarakat bandar di persekitarannya yang dijana daripada kawasan hijau semula jadi ini juga akan terjejas.

8. Menurut pakar kami, pembangunan di kawasan HSKLU (termasuk penebangan pokok, pengorekan tanah gambut dan pembinaan saluran) akan menyebabkan pelepasan 5.5 juta tan karbon dioksida (CO₂) ke udara seterusnya menyumbang kepada pemanasan global dan masalah perubahan iklim.

9. HSKLU berpotensi dibangunkan sebagai kawasan penting (centre of excellence) untuk tujuan penyelidikan ekologi hutan paya gambut, sebagai pusat pendidikan alam sekitar, pusat rekreasi dan pusat eko-pelancongan yang matlamatnya seiring dengan usaha konservasi yang dijalankan di Paya Indah Wetlands. Dengan input penglibatan masyarakat setempat, khususnya Orang Asli, ianya boleh dimajukan sebagai suatu hub berkepentingan berkebudayaan dan sosio-ekonomi setempat.

10. Berdasarkan kepada hujahan di atas, pihak MNS ingin menyeru kepada pihak kerajaan negeri untuk membatalkan cadangan penyahwartaan HSKLU. Keputusan ini penting bukan hanya untuk melindungi khazanah alam semula jadi, tetapi juga demi kesejahteraan dan kelestarian masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Prof. Dr. Ahmad Ismail
Presiden

Salinan kepada:

1. Encik I. S. Shanmugaraj Subramaniam, Pengarah Eksekutif
2. Encik Abbot Chong Ching Hua, Pengerusi MNS Johor
3. Lt. Col. (Rtd) Husamuddin bin Yaacob, Pengerusi MNS Kedah
4. Dr. Nazahatul Anis Amaludin, Pengerusi MNS Kelantan
5. Puan Rose Au Nyat Jun, Pengerusi MNS Kuching
6. Encik Eric R. Sinnaya, Pengerusi MNS Langkawi
7. Encik Musa Musbah, Pengerusi MNS Miri
8. Encik Vuthy Taing, Pengerusi MNS Negeri Sembilan-Melaka
9. Puan Noor Jehan Bt. Abu Bakar, Pengerusi MNS Pahang
10. Encik Tan Choo Eng, Pengerusi MNS Penang
11. Puan Leow Kon Fah, Pengerusi MNS Perak
12. Dr. Anna Wong Yun Moi, Pengerusi MNS Sabah
13. Encik Hatta B. Yunus, Pengerusi MNS Sandakan
14. Puan Pasupathy Jayaraj, Pengerusi MNS Selangor
15. Encik Wong Chee Ho, Pengerusi MNS Terengganu